

# Bicara kes liwat Anwar ditangguh Jumaat ini

BH 27 APR 2000

KUALA LUMPUR, Rabu—Mahkamah Tinggi hari ini, menangguhkan perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada Jumaat ini, bagi membolehkan bekas Timbalan Perdana Menteri itu memfailkan notis rayuan berhubung keputusan mahkamah pada Jumaat lalu.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang menetapkan Jumaat ini untuk sebutan kes membenarkan permohonan Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja bagi menangguhkan keputusannya berhubung kehadiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi pembela dalam perbicaraan itu.

Ariffin berkata, beliau membenarkan permohonan pembela menangguhkan keputusannya itu bagi membolehkan mereka memfailkan notis rayuan secepat mungkin.

Katanya, beliau membenarkan penangguhan itu selepas mendengar permohonan Anwar yang dikemukakan menerusi peguam belanya, Christopher Fernando dan Karpal Singh.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail yang membantah permohonan penangguhan keputusan itu, berhujah keputusan mahkamah bukan satu penghakiman muktamad dan tidak boleh dirayu.

Sebelum itu, Ariffin tidak membenarkan Anwar mengemukakan permohonan secara lisan supaya mahkamah mengkaji semula keputusannya yang dibuat pada Jumaat lalu.

Katanya, Anwar perlu mengikut peraturan mahkamah dan sepatutnya mengemukakan permohonan itu menerusi peguam bela yang dilantik.

Sehubungan itu, beliau memerintahkan Fernando mengemukakan permohonan itu dan bukannya Anwar.

Sementara itu, seorang lagi peguam bela Anwar, S N Nair ketika dihubungi mengesahkan pihaknya sudah memfailkan notis rayuan pada jam 3.30 petang tadi di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Jumaat lalu, mahkamah memutuskan bahawa Dr Mahathir tidak perlu hadir sebagai saksi pembela untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwat Anwar.

Ariffin yang membuat keputusan itu, mendapati tindakan memanggil Perdana Menteri untuk memberi keterangan pada perbicaraan itu adalah satu proses penyalahgunaan mahkamah.

Katanya, adalah menjadi tanggungjawab mahkamah menghalang penyalahgunaan itu daripada terus berlaku.

Anwar, 53, dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh meliwat Azizan Abu Bakar di unit nombor 10-7-2, pangsapuri Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, pada satu malam jam 7.45, antara Januari hingga Mac 1993.

Bagi tuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.